



Dari kiri: Idris, Siti Nurazira, Muhyiddin dan Mary Yap.

# Ahli akademik wanita diiktiraf

AHLI akademik daripada institusi pengajian tinggi yang menunjukkan pencapaian kesarjanaan yang cemerlang dalam bidang masing-masing dan mengharumkan nama negara di peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah diraikan dalam majlis Anugerah Akademik Negara (AAN) 2011 dan 2012 di Hotel JW Marriott, Putrajaya, baru-baru ini.

Ahli akademik daripada USIM, yang juga Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM), Dr Siti Nurazira Mohd Daud, menjadi antara 14 penerima pengiktirafan tertinggi pada majlis itu.



Melalui saringan dan penilaian ketat oleh jawatankuasa pemilih, penulisan pensyarah lulusan Sarjana Ekonomi dari UUM dan Doktor Falsafah dari University of Southampton, UK yang bertajuk *Revisiting The Role of External Debt in Economic Growth of Developing Countries* ini berjaya menggondol Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal (Bidang Sains Sosial/Sastera) berserta hadiah berupa trofi, wang tunai RM50,000 dan sijil penghargaan.

Majlis penuh berprestij itu dirasmikan Menteri Pendidikan Tan Sri Muhyiddin Yassin. Turut hadir, Menteri Pendidikan II Datuk Seri Idris Jusoh, Timbalan Menteri Pendidikan I Datuk Mary Yap Kain Ching dan Timbalan Menteri Pendidikan II P Kamalanathan.

Pada majlis sama, Anugerah Tokoh Akademik Negara 2011 dianugerahkan kepada Prof Emeritus Datuk Dr Asmah Omar dari Universiti Malaya manakala penerima bagi 2012 adalah Prof Emeritus Datuk Dr Nik Safiah Abdul Karim (Universiti Malaya) dan Prof Emeritus Datuk Dr Abdul Latif Ibrahim (Universiti Industri Selangor). Masing-masing menerima trofi, wang tunai RM200,000 dan sijil penghargaan.